

# Langkah sesudah Noordin M Top

PANDANGAN  
V ARIANTI

**A**PAKAH tindakan lanjut Indonesia dalam memeringi pengganasan setelah terbunuhnya dalang Noordin Mohammed Top dan rakan sekomplotnya?

Polis Indonesia telah melakukan tugas dengan cekap dari segi operasi dan taktikal bagi menangani pengganasan. Ini terpapar pada peristiwa penumpasan Noordin, seorang pelarian Jemaah Islamiyah (JI) yang paling dikehendaki, berserta rakan sekomplotnya.

Malahan, cabaran-cabaran masih ada dalam peringkat strategik kerana para pelampau bebas memberi dakwah di serata Indonesia yang kian demokratik. Sebagai contoh, Abu Bakar Bashir – bekas ketua JI dan beberapa rakan sekomplotnya – telah berdakwah di beberapa buah masjid terkemuka di Jakarta.

Dakwah serupa dilakukan ulama tegar di beberapa masjid serata Indonesia. Hal itu diperburuk dengari edaran buku-buku yang merangsang jihad di banyak kedai buku utama Indonesia dan kehadiran laman jihad yang banyak.

Kesemuanya ini telah terus menghangatkan ideologi kumpulan-kumpulan seperti JI untuk bangkit daripada kekalahan mereka.

Polis Indonesia bukanlah senjata utama dalam mengalahkan ideologi

pengganasan. Tugas ini perlu dibahu setiap agensi pemerintahan Indonesia. Tetapi yang lebih penting sekali ialah masyarakat Muslim perlu bangkit mengatasi cabaran dan menyalahkan fahaman pelampau.

Mencegah ideologi radikal bukanlah satu perkara yang baru. Pihak polis telah mengadakan sebuah program untuk memulihkan tahanan tetapi hasilnya tidaklah berjaya sepenuhnya.

Beberapa ketua utama JI dan anggotanya telah berjaya dinyahkan sifat radikal mereka. Tetapi sebilangan yang lain seperti Urwah atau namanya Bagus Budi Pranoto pula semakin radikal.

Urwah pernah dipenjarakan selama tiga setengah tahun kerana didapati salah terlibat dalam serangan bom Kedutaan Australia di Jakarta pada 2004. Setelah tamat tempoh hukumannya, dia menyertai kumpulan Noordin. Akhirnya, dia ditemui tumpas bersama Noordin dalam serbuan polis tempoh lalu.

Pemerintah Indonesia cukup faham betapa perlu mencegah ideologi radikal di peringkat masyarakat yang luas. Presiden Yudhoyono telah menyatakan sebahagian usahanya bagi memerangi pengganasan ialah melalui peningkatan pelajaran agama. Ini bermaksud mengadakan unsur kesedaran dalam pelajaran di sekolah agar generasi muda tidak mudah diumpan oleh jaringan pengganasan.

‘**H**akikatnya, usaha pencegahan ke atas pengganasan tidak boleh dinilai melalui siri serangan. Kejayaan dan kegagalan hanya boleh dilihat pada arus masa dan diukur melalui cara-cara tertentu. Tanda kejayaan paling terserlah ialah keteguhan masyarakat untuk bersatu dalam menangani pengganasan dan pelampau.

Contohnya kes Dani Dwi Permana – seorang remaja yang direkrut sebagai pengebom nekad dalam pengeboman hotel J.W. Marriott pada 17 Julai lalu. Kesnya menjadi peringatan perih kepada pemerintah dan masyarakat akan bahaya ideologi radikal.

‘Tour de pesantren’ telah diusahakan Kementerian Ehwat Dalam Negeri Indonesia pada 2004 untuk mempromosikan ideologi nasionalis kepada para pelajar pesantren (madrasah berasrama).

Dalam perkembangan terbaru, Ketua Daerah Polis Jakarta telah bergabung bersama Nahdlatul Ulama (NU) untuk memberi taklimat kepada seribu guru dan para pelajar sekolah tinggi mengenai penyelewengan konsep jihad. Namun, programnya tampak tidak berterusan.

Satu lagi masalah ialah strategi penyelesaian. Usaha menggabung-

kan semua agensi penguatkuasa dan beberapa kementerian seperti Departemen Agama (Kementerian Agama atau disebut Depag) dan Polis ternyata sukar. Bahkan lebih sukar lagi menggabungkan pertubuhan Islam untuk bersama-sama mengurangi ruang gerak tumbuhnya ideologi radikal dalam masyarakat.

Misalnya, pihak polis telah mengumumkan untuk memantau dakwah sebagai langkah pencegahan pengganasan setelah berlakunya siri serangan bom di hotel Jakarta pada Julai 2009. Tindakan ini telah dikutuk oleh banyak pertubuhan Islam.

Pengumuman tadi diperbetul oleh ketua polis Indonesia dengan menyatakan bahawa pemantauan dakwah adalah tugas Kementerian Agama.

Namun, masih ada harapan iaitu Kementerian Agama Indonesia telah menegaskan untuk bertindak ke atas ulama yang mendakwah keganasan dan akan meminta bantuan polis jika

perlu.

Pemerintah Indonesia juga gagal dalam percubaannya mematahkan propaganda pengganasan.

Agensi risikan Indonesia telah cuba menyekat penerbitan bahan bacaan seperti buku jihad tulisan trio pengebom Bali (Imam Samudra, Amrozi dan Mukhlas). Namun buku-buku itu masih dijual dan diiklankan, sebagai contoh, di laman jihadi.

Seperti yang dilihat dalam penangkapan Abu Bakar dan perbicaraannya, para pelampau telah giat mengadakan tunjuk perasaan besar-besaran hingga menjadikannya satu wadah propaganda. Akibatnya, kesan positif penangkapan Abu Bakar tidak dapat mempengaruhi sikap masyarakat.

Apa harus dilakukan?

Walaupun pihak pemerintah Indonesia berdepan dengan pelbagai kesukaran dalam menjayakan strateginya, sebaliknya pula berlaku pada gerakan pertubuhan Islam.

Dua badan Islam terbesar Indonesia, Nahdlatul Ulama (NU) dan Muhammadiyah, telah berperanan sebagai suara bagi kaum majoriti yang moderat dan toleran.

NU giat mengadakan seminar dalam pencegahan ideologi radikal dan juga memuatkan berita anti-radikal dalam lamannya. Ia juga telah mengadakan bengkel mengenai pesanan antiradikal kepada para guru pesantrennya untuk disebarkan

kepada murid-murid.

Institut Wahid, sebuah cabang NU yang didirikan oleh mantan Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid, giat dalam mempromosikan pluralisme dan toleransi melalui kajian dan seminarnya.

Pemuda Muhammadiyah di Jawa Timur bertekad menghantar ratusan ulama ke desa untuk menyampaikan pesanan pencegahan radikal.

Pelampau radikal ternyata amat gigih sehingga mencapai tahap teguh. Oleh itu, usaha menambat hati dan minda generasi muda Indonesia ke arah bersikap objektif dan sederhana tentulah mengambil masa.

Hakikatnya, usaha pencegahan ke atas pengganasan tidak boleh dinilai melalui siri serangan.

Kejayaan dan kegagalan hanya boleh dilihat pada arus masa dan diukur melalui cara-cara tertentu. Tanda kejayaan paling terserlah ialah keteguhan masyarakat untuk bersatu dalam menangani pengganasan dan pelampau.

Penglibatan NU dan Muhammadiyah telah menunjukkan tanda bahawa pembaharuan telah bermula. Tetapi kejayaan hanya boleh dipastikan jika ada usaha penyelarasan berkesan secara meluas dan bukan di peringkat individu saja.

**Nota:** Penulis ialah Penyelidik Kanan di Sekolah Pengajian Antarabangsa Rajaratnam dan juga siswazah sarjananya.